

Kempen Alam Sekitar

Oleh ; Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010

"1Semangat Pelihara Alam Sekitar"

Pada 28 Februari 2010 telah berlangsungnya perasmian kempen alam sekitar serentak dengan Program Jalan Kaki Lasak UniMAP. Menggunakan tema "1Semangat Pelihara Alam Sekitar" diharapkan kempen alam sekitar ini dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar pada setiap pelajar UniMAP. Kempen ini dirasmikan oleh En Afizal Abu Othman iaitu Pengarah Pusat Sukan UniMAP.

Kempen Alam Sekitar yang dianjurkan oleh MPP UniMAP dengan MPKK & Sekretariat Rakan Muda UniMAP turut sama mendapat sokongan serta

kerjasama daripada setiap kelab dan persatuan pelajar UniMAP. Antara aktiviti yang dijalankan ketika perasmian ialah menandatangani kain rentang sebagai tanda prihatin dan penyampaian mesej mengenai menjaga alam sekitar. Selain itu pelajar juga mendapat penanda buku ketika sampai di garisan penamat Jalan Kaki Lasak.

Cabutan bertuah juga dilakukan dimana terdapat nombor disetiap penanda buku. Pihak penganjur juga berharap pelajar UniMAP dapat menjaga alam sekitar dan mengamalkan penjimatan sumber tenaga dalam kehidupan.

